

# Pincang, tak seimbang

» Kementerian Pelajaran perlu rombak semula KOMSAS

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@mediaprima.com.my

Kepincangan dalam jumlah peruntukan soalan untuk Komponen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS) berbanding jumlah teks yang perlu dipelajari pelajar serta diajarkan guru mendapat perhatian pada Wacana Benarkah Sastera Melayu Tiada Nilai?

Turut diberi perhatian pada wacana terbabit ialah Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS yang tidak seimbang, ditambah beban tugas guru dalam persekolahan didakwa merencatkan penghayatan sastera oleh pelajar sekolah negara ini, sedangkan perkara terbabit adalah matlamat asal KOMSAS diperkenalkan dulu.

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Omar Mamat, berkata pemilihan karya sastera

untuk KOMSAS perlu mengutamakan karya yang tidak membebani pelajar dan guru, iaitu pelajar Tingkat Satu hingga Tingkatan Tiga hanya menggunakan satu judul novel, manakala Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima juga satu novel saja.

“Dengan cara ini Kementerian Pelajaran dapat mengurangkan beban pelajar dan guru, sekali gus memberi peluang pelajar untuk menghayati karya yang dibaca, manakala guru dapat mempelbagaikan kegiatan pengajaran dan pembelajaran,” katanya pada wacana yang dipengerusikan Ketua Satu, Persatuan Penulis Johor (PPJ),

Amiruddin Md Ali Hanafiah di Pejabat Pelajaran Daerah Kluang, Kluang, baru-baru ini.

## Dilema guru

Omar berkata, guru sebenarnya menghadapi dilema untuk mengimbangi keperluan tumpuan kepada KOMSAS dan subjek Bahasa Melayu *per se* kerana mereka berdepan dengan pelbagai bebanan tugas yang lain dan belum tentu mereka sempat membaca teks KOMSAS.

“Ini diburukkan lagi oleh pemarkahan KOMSAS hanya sebahagian kecil dalam subjek Bahasa Melayu. Apatah lagi guru kini berdepan tambahan tanggungjawab ekoran pelaksanaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS),” katanya pada wacana yang dirasmikan Ketua Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeren mewakili Ketua Pengaruhnya, Dr Awang Sariyan.

Dalam konteks yang lebih luas, pengajaran dan pembelajaran melalui teks sastera di sekolah dapat dilihat berdasarkan aspek kecil, iaitu hanya mengenali ciri dan bentuk karya sastera,



Jualan buku turut diadakan pada Wacana Benarkah Sastera Melayu Tiada Nilai? di Pejabat Pelajaran Daerah Kluang.

manakala aspek utama ialah penghayatan karya sastera yang memberikan sumbangan besar kepada pemikiran pelajar.

“Isu KOMSAS dan pengecilan kelas aliran Sastera memerlukan Kementerian Pelajaran untuk mengambil langkah segera yang diharap dapat menarik minat pelajar dan meyakinkan ibu bapa untuk menggalak serta memberi keizinan kepada anak mereka mengambil mata pelajaran itu,” katanya.

Majlis wacana itu turut dihadiri Ketua Penolong Pengarah Bahasa Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ), Abd Jalil Satari dan Ketua Editor, Bahagian Majalah DBP, Zubaidi Abas dan Pengarah DBP Wilayah Selatan (DBPWS), Abdul Rahim Omar.

## Benarkan pelajar Sains belajar Sastera

Pandangan Omar itu senada dengan penegasan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2000, Dr Lim Swee Tin yang memberikan tumpuan kepada Kesusteraan Melayu dengan menyarankan pemilihan teks lebih munasabah dan membenarkan pelajar Sains untuk

mengambil Kesusasteraan Melayu.

“Langkah drastik perlu diambil dengan merombak kurikulumnya agar potensi sastera dalam kepe-satan industri penerbitan dan industri kreatif tanah air dapat dilihat. Ini selaras dengan pelbagai galakan dalam industri itu, sekali gus memperlihatkan potensi besar kepada pelajar yang mengambil aliran Kesusasteraan Melayu,” katanya yang juga bekas Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM.

Dr Swee Tin yang kesal dengan pengecilan jumlah pelajar aliran sastera di institut pengajian tinggi (IPT) ekoran pembatasan pelajar aliran itu di sekolah, menyarankan pelajar aliran Sains dibenarkan mengambil subjek Kesusasteraan Melayu kerana ia sebenarnya menekankan pembinaan jati diri

berteraskan budaya bangsa di negara ini.

“Ini berbeza dengan negara maju yang menjadikan teks sastera yang penting sebagai teks yang perlu dipelajari oleh semua pelajar tanpa mengira aliran atau kursus termasuk di IPT. Ini kerana mereka menyedari kepentingan aspek kejiwaan dan kemanusiaan yang perlu diberi perhatian dalam pendidikan, selain kemajuan sains dan teknologi,” katanya.

#### Kongsi pengalaman

Pandangan ahli panel turut diakui peserta pada wacana anjuran Bahagian Majalah DBP dengan kerjasama PPJ dan JPNJ itu yang dihadiri lebih 150 peserta daripada kalangan pengetua dan Ketua Panitia Bahasa Melayu dari Kluang, Kulaijaya dan Batu Pahat.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Alaudin, Zainal Misran, berkongsi pengalamannya sebagai guru Bahasa Melayu sebelum dilantik ke jawatan berkenaan.

“Saya pernah mengajar sastera, tetapi tafsiran pengajaran sastera tidak menekankan aspek ‘susastera’ sehingga tidak mendorong pelajar untuk menghayati karya. Daripada 35 markah keseluruhan, hanya dua markah saja berkaitan ‘susastera’, iaitu keindahan dan penghayatan sastera,” katanya.

Pengalaman itu turut dipe-rakukan Pengetua SMK Munshi Abdullah, Kulaijaya, Anuar Jais yang menyarankan kertas pepe-riksaan Bahasa Melayu SPM dia-dikan tiga bahagian dengan satu bahagian khusus untuk sastera atau KOMSAS.



**“Langkah drastik perlu diambil dengan merombak kurikulumnya agar potensi sastera dalam industri penerbitan dan kreatif tanah air dapat dilihat. Ini selaras dengan pelbagai galakan dalam industri, sekali gus memperlihatkan potensi pelajar yang mengambil aliran Kesusasteraan Melayu”**

**Dr Lim Swee Tin**  
Pensyarah UPM



**“Ini diburukkan lagi oleh pemarkahan KOMSAS hanya sebahagian kecil dalam subjek Bahasa Melayu. Apatah lagi guru kini berdepan tambahan tanggungjawab ekoran pelaksanaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)”**

**Omar Mamat**  
Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan UPM



**“Isu KOMSAS dan pengecilan kelas aliran Sastera memerlukan Kementerian Pelajaran untuk mengambil langkah segera yang diharap dapat menarik minat pelajar dan meyakinkan ibu bapa untuk menggalak serta memberi keizinan kepada anak mereka mengambil mata pelajaran itu”**

**Dr Awang Sariyan**  
Ketua Pengarah DBP